

# **PENDEKATAN DAKWAH KEPADA MASYARAKAT INDIA MUSLIM: KAJIAN KE ATAS PERSEKUTUAN MUSLIMIN INDO-MALAYSIA (PERMIM)**

Oleh:

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus

Che Yusoff Che Mamat

## **Abstract**

*This article based on the findings of the study done by the writer to investigate the methodology of the Islamic dakwah (mission) performed by the Malaysia Muslim Indo-Malaysian Federation (PERMIM) among the Indian Muslim communities. Library research, interview and observation are among methods used to collect data for this research. The result of the study shows that there are some methods that are widely used by the federation such as education, economic, media and social interaction.*

## **PENDAHULUAN**

Dalam al-Qur'an, Allah SWT telah mengisyiharkan umat Islam sebagai pemegang amanah untuk menyeru seluruh manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan segala laranganNya. Tanggungjawab menyampaikan seruan tersebut perlu dilaksanakan oleh umat Islam yang berkemampuan tanpa mengira bangsa dan warna kulit. Dakwah adalah perbuatan yang merujuk kepada seruan, ajakan kepada seluruh manusia supaya mereka menerima, beriman dan beramal dengan ajaran Islam agar mereka memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pembahagiannya boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu dakwah secara langsung dan dakwah secara tidak langsung atau lebih dikenali dengan dakwah *bi al-hâl*.

Perbincangan mengenai metodologi dakwah kepada masyarakat India Muslim adalah perkara penting yang perlu diketahui oleh Muslim, khususnya para pendakwah bagi memastikan kelincinan gerakan dakwah sama ada secara langsung atau dakwah secara tidak langsung. Gerakan dakwah terhadap mereka perlu dilaksanakan dengan menggunakan metodologi yang sesuai agar mereka mudah memahami dan mendalami ajaran Islam yang telah mereka anuti. Ini kerana,

masyarakat India Muslim adalah sebahagian daripada umat Islam yang memerlukan didikan dan asuhan yang berterusan. Peranan ini telah dilakukan oleh PERMIM sejak beberapa tahun yang lalu. Oleh itu, satu kajian mengenai pendekatan dakwah yang telah digunakan oleh pertubuhan ini perlu diterokai bagi menilai sejauhmana kesesuaian dan kejayaannya dalam aktiviti-aktiviti dakwah yang melibatkan masyarakat India Muslim di Malaysia.

## MASYARAKAT INDIA MUSLIM DI MALAYSIA

Masyarakat India Muslim merupakan salah satu komuniti yang wujud di Malaysia dewasa kini. Jika dikategorikan mereka mengikut bangsa, mereka tergolong ke dalam bangsa India yang merupakan golongan minoriti di negara ini. Sekiranya dikategorikan mereka mengikut agama, mereka tergolong ke dalam golongan majoriti di negara ini. Ini kerana pengikut agama Islam adalah merupakan warganegara yang mengatasi pengikut agama lain di Malaysia ketika ini. Gelaran ‘mamak’ dan ‘kling’ adalah panggilan yang dirujuk kepada mereka (India Muslim) di kalangan masyarakat tempatan. Setelah menetap di negara ini sejak beratus tahun yang lalu, maka secara tidak langsung timbulnya kegiatan politik dan sosio-ekonomi di kalangan mereka. Terdapat beberapa teori tentang kedatangan orang-orang India Muslim ke Tanah Melayu, yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Teori tersebut ialah teori penyebaran agama Islam, teori pekerjaan dan teori perdagangan.

**Teori Penyebaran Agama Islam:** Kedatangan orang-orang India Muslim ke Tanah Melayu berkait rapat dengan penyebaran agama Islam ke rantau ini. Peranan mereka ini dapat dibuktikan dengan wujudnya persamaan antara batu nisan yang terdapat di Gujarat dan Tanah Melayu. Batu nisan Maulana Malik Ibrahim di Gerisik bertarikh 1419 M mempunyai persamaan dengan batu nisan yang terdapat di India.<sup>1</sup> Begitu juga dengan batu nisan kepunyaan Sultan Pahang pertama keturunan Melaka yang mangkat pada 1475 M.<sup>2</sup>

Menurut catatan Ibnu Batuta, sejak abad ke 13 lagi perdagangan berlaku antara Timur Tengah dengan rantau ini, khususnya Kalah (Kedah). Waktu ini juga pedagang dari Gujarat telah datang ke Nusantara dengan membawa bersamanya syiar Islam. Sebagai orang India, mereka lebih mudah diterima oleh masyarakat tempatan berbanding dengan pedagang-pedagang dari negara lain. Ini kerana mereka pandai

<sup>1</sup> Fatimi. S.Q (1963), *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysia Sociological Research Institute, h. 31.

<sup>2</sup> Hall, D.G.E (1968), *A History of South East Asia*, London: MacMillan, h. 231.

menyesuaikan diri dengan masyarakat setempat.<sup>3</sup> Namun begitu, penulis tidak menolak sumbangan yang telah dimainkan oleh saudagar-saudagar Arab yang datang dari India. Ini kerana kebanyakan dari mereka telah berkahwin dengan wanita tempatan dan telah mewujudkan komuniti Islam, terutamanya di pantai Malabar dan Koromendal. Saudagar-saudagar ini juga turut memainkan peranan dalam penyebaran Islam ke Tanah Melayu.

Manakala Ryan pula berpendapat, agama Islam datang ke Asia Tenggara dari benua India dan bertapak dengan kukuhnya di bahagian utara Sumatera iaitu kira-kira pada akhir abad yang ketiga belas Masihi.<sup>4</sup> Pada ketika itu, agama Islam di India belum bertapak dengan kukuhnya dan hanya diterima oleh orang-orang tertentu sahaja dari beberapa daerah. Walaubagaimanapun, dari daerah-daerah Islam inilah munculnya saudagar dan pedagang Islam yang kemudiannya mengunjungi Asia Tenggara termasuklah Tanah Melayu untuk menyebarkan dakwah Islamiyyah, di samping menjalankan urusan perdagangan.

Terdapat banyak teori tentang kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu. Antaranya teori yang menyebut bahawa Islam datang ke Tanah Melayu terus dari Semenanjung Tanah Arab dan China. Sekiranya dinilai pendapat yang dikemukakan oleh Ryan, ternyata beliau seolah-olah berpegang kepada satu teori sahaja, tanpa menilai teori lain tentang kedatangan Islam khususnya yang dikatakan datang dari Semenanjung Tanah Arab atau dari China.

Bagi penulis, kecenderungan untuk mengaitkan kedatangan Islam ke Tanah Melayu dari Semenanjung Tanah Arab adalah lebih tepat berbanding dengan teori yang mengaitkan kedatangannya dari India dan China. Ini kerana agama Islam asalnya bertapak di Semenanjung Tanah Arab dan hubungan di antara pedagang-pedagang Arab dengan rantau Asia Tenggara ini telah wujud lebih dahulu berbanding dengan hubungan yang wujud diantara pedagang-pedagang dari India dengan rantau ini.<sup>5</sup> Ini bermaksud bahawa, terdapat juga peranan yang dimainkan oleh para saudagar dan pedagang, sama ada dari India dan China dalam penyebaran agama Islam ke rantau ini, khususnya di Tanah Melayu. Walau-bagaimanapun, peranan yang dimainkan oleh mereka adalah agak terkemudian berbanding dengan peranan yang dimainkan oleh para pedagang Arab.

<sup>3</sup> Burling, R. Hill (1965), *Farms and Padi Fields: Life in Mainland Southeast Asia*, New Jersey: Prentice Hall, h., 118. Lihat juga dalam Arasaratnam Sinnappah (1970), *Indians in Malaysia and Singapore*, London: Oxford University Press, h. 6.

<sup>4</sup> Ryan, N.J (1965), *Sejarah Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 118.

<sup>5</sup> Burling, R. *op.cit.*, h. 118.

**Teori Pekerjaan:** Penghijrahan orang India secara beramai-ramai ke Tanah Melayu berlaku mulai tahun 1840M. Mereka didatangkan untuk bekerja di ladang tebu dan kopi di Seberang Prai. Penghijrahan mereka kemudiannya terus meningkat dari semasa ke semasa. Di antara faktor berlakunya penghijrahan golongan ini ke Tanah Melayu ialah tarikan sumber rezeki, kepadatan penduduk India, kekurangan tanah pertanian, kesempitan hidup dan berlakunya penindasan tuan tanah terhadap petani di negara asal mereka, India. Semua faktor ini mendorong mereka keluar mencari kehidupan di tempat yang baru.<sup>6</sup>

Sebagaimana diketahui, sehingga tahun 1867M, negeri-negeri Selat diperintah sebagai sebahagian daripada India dan disebabkan itu pihak British tidak menghadapi kesukaran mengambil buruh untuk bekerja di ladang-ladang tebu di Province Wellesley. Walau bagaimanapun, Akta Kerajaan India tahun 1864, melarang orang-orang India bekerja di luar negara mereka dan selepas tahun 1867, iaitu apabila negeri-negeri Selat menjadi tanah jajahan asing, pengambilan pekerja-pekerja diharamkan. Perkara ini diselesaikan melalui perbincangan di antara kerajaan India dan kerajaan negeri-negeri Selat dan pengambilan buruh dari India untuk bekerja di negeri-negeri Melayu hanya disahkan sepenuhnya dalam tahun 1884.<sup>7</sup>

Setelah selesainya perbincangan tersebut dan persetujuan diperolehi dari kerajaan India, maka berduyun-duyunlah orang India dibawa masuk ke Tanah Melayu, khususnya untuk bekerja dalam sektor perusahaan getah. Oleh kerana itu, di antara tahun 1901 hingga 1940M, seramai tiga juta orang India berhijrah ke Tanah Melayu dan dua setengah juta daripada mereka telah pulang semula ke India dalam tempoh yang sama. Selain daripada golongan pekerja buruh, terdapat tiga lagi golongan yang turut berhijrah ke Tanah Melayu iaitu askar, pedagang dan kerani. Ini kerana sebahagian besar daripada askar British adalah terdiri daripada orang India, terutamanya orang Sikh dan orang Islam (India Muslim).<sup>8</sup>

Kebanyakan buruh dari India ini diambil bekerja sebagai kuli kontrak. Mereka terikat kepada kontrak selama tiga tahun tetapi sekiranya mereka masih ber hutang dengan pihak majikan, kontrak tersebut boleh dilanjutkan. Sistem ini dihapuskan pada tahun 1910M dan digantikan dengan sistem kangany. Kangany atau mandor akan mengambil orang-orang dari kampungnya di India untuk bekerja di Tanah Melayu dan dia akan mendapat bayaran bagi setiap orang yang diambil untuk bekerja.

<sup>6</sup> Mohamad Idris Saleh *et.al.* (1994), *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 58-59.

<sup>7</sup> Saunders, Graham (1978), *Malaya: Perkembangan Masyarakat Majmuk*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd, h. 28.

<sup>8</sup> Khoo Kay Kim (1980), "Masyarakat India di Tanah Melayu," *Widya*, Oktober, h. 13.

Sistem kangany ini adalah lebih digemari berbanding dengan sistem kuli kontrak. Ini kerana sekiranya seseorang kangany bersifat kejam, maka tidak ada orang yang ingin mengikutinya. 90% dari mereka yang berhijrah ini terdiri daripada penduduk India Selatan.

**Teori Perdagangan:** Secara umumnya, kedatangan mereka adalah dikaitkan dengan faktor hubungan perdagangan yang telah wujud di antara India dan negeri di rantau ini. Ini kerana, dari segi kedudukan geografinya, Semenanjung Tanah Melayu terletak di tengah-tengah perjalanan para pedagang. Kebanyakan para pedagang menjadikan Tanah Melayu sebagai tempat persinggahan dalam perjalanan mereka untuk berdagang dan sambil itu mereka mengambil kesempatan menjual barang dagangan mereka kepada penduduk setempat. Setelah menyeberang Teluk Benggala dari persisiran pantai Koromandel, para pedagang dari India akan menuju ke Tanah Melayu. Di sinilah mereka akan singgah sementara menunggu musim angin beralih untuk meneruskan pelayaran mereka ke tempat lain.

Setelah Melaka menjadi pusat perdagangan, kegiatan mereka (golongan India Muslim) tertumpu di sini. Dengan itu, pedagang India Muslim khususnya yang datang dari Pantai Koromandel telah melibatkan diri dalam jentera pentadbiran kerajaan Melaka dan seterusnya menceburkan diri dalam arena politik.<sup>9</sup> Menurut Mellink, pada suatu ketika temenggong telah melantik satu jawatankuasa peniaga untuk mengendalikan perdagangan di pelabuhan Melaka dan menentukan nilai barang-barang yang akan dihadiahkan kepada Sultan.<sup>10</sup> Jawatankuasa ini terdiri daripada lima orang India Muslim dan bakinya iaitu lima lagi terdiri daripada pelbagai etnik.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa kedatangan orang-orang India Muslim ke Tanah Melayu bukan sahaja untuk berdagang, malah lebih jauh daripada itu mereka turut terlibat dalam jentera pentadbiran kerajaan negeri Melaka. Apa yang pasti faktor perdagangan merupakan faktor utama yang mendorong mereka datang ke Tanah Melayu.

## LATARBELAKANG PERMIM

Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia, Malaysia (PERMIM) telah ditubuhkan pada tahun 1973 bertujuan untuk menjaga kebaikan masyarakat India Muslim di Malay-

<sup>9</sup> Arasaratnam Sinnappah (1970), *Indians in Malaysia and Singapore.*, h. 6.

<sup>10</sup> Mellink, Roelofsz M.A.P (1962), *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago Between 1500 and About 1630*, The Hague: Martinus Nijhoff, h. 44.

sia. Ia bukanlah sebuah pertubuhan politik, tetapi lebih merupakan sebuah pertubuhan bersifat sosial. PERMIM merupakan tempat bagi persatuan-persatuan India Muslim di peringkat cawangan dan gabungan mengemukakan masalah-masalah yang mereka hadapi seperti masalah pendidikan, ekonomi dan sosial.<sup>11</sup> Masalah-masalah tersebut kemudiannya akan diajukan pula kepada pihak kerajaan untuk dicari jalan penyelesaiannya.

Pertubuhan ini diibaratkan sebagai ‘payung’ kepada persatuan-persatuan India Muslim yang lain. Di peringkat awal penubuhannya, terdapat sebelas buah persatuan yang bergabung dengannya dan setelah dua puluh tiga tahun penubuhannya, terdapat hampir empat puluh buah persatuan yang bernaung di bawahnya sama ada yang berbentuk gabungan mahupun cawangan. Hampir di setiap negeri terdapat cawangan dan gabungan PERMIM kecuali di Sabah dan Sarawak yang masih di peringkat permohonan.<sup>12</sup> Antara gabungan dan cawangan PERMIM ialah Muslim League Perlis, Muslim League Sungai Petani, Muslim League Seberang Prai dan Pulau Pinang, Muslim League Melaka, Muslim League Johor Bahru, Muslim League Kedah, Muslim League Kulim, Selangor Muslim League, Persatuan Kemajuan Muslimin Taiping, Persatuan Muslim India, Kerala Muslim Jamaat, Angkatan Kemajuan Muslim Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persekutuan Kebajikan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persatuan India Muslim Port Kelang, Persatuan Indo-Muslimin Port Dickson, Persatuan India Muslim Kuala Kangsar, Persatuan Muslimin Brickfields, Persatuan Penukar-penukar Wang Asing Islam Malaysia, Persatuan Imam Pulau Pinang, Pertubuhan India Muslim Bedong, Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia, Jawatankuasa Pengurus Madrasah India Muslim Kampung Pandan, Muslim Paper Merchants Association Brickfields, Persatuan India Muslim Seremban, Direct Members Association, PERMIM Cawangan Rawang, PERMIM Cawangan Felda Gugusan Palong; PERMIM Cawangan Serting Hilir, PERMIM Cawangan Kinta, PERMIM Cawangan Sungai Siput, PERMIM Cawangan Ayer Tawar Manjong, PERMIM Cawangan Jalan Merpati Kuala Lumpur, PERMIM Cawangan Mentakab, PERMIM Cawangan Rasah, PERMIM Cawangan Sepang dan PERMIM Cawangan Nilai.

Menjelang abad yang ke 21, PERMIM berhasrat untuk sama-sama membangunkan negara Malaysia menjadi negara perindustrian. Bagi memenuhi hasrat di atas, pihak pertubuhan ini telah mewujudkan Muslim Paper Merchants Association di

<sup>11</sup> Temubual dengan Saudara Anver Hussein, Tim. Presiden PERMIM di Kuala Lumpur pada 29hb Disember 1997.

<sup>12</sup> *Ibid.*

Brickfields dan Persatuan Penukar-Penukar Wang Asing Islam, Malaysia.<sup>13</sup> Usaha-usaha di atas secara tidak langsung akan meningkatkan sektor ekonomi negara. Malah lebih jauh daripada itu, penulis dapat Timbalan Presiden pertubuhan ini juga turut melibatkan diri dalam perniagaan pengeluaran kertas di Brickfields dengan menubuhkan sebuah syarikat yang bernama Saudagar Kertas Kamila Sdn. Bhd.

Semenjak ditubuhkan, PERMIM telah diterajui oleh beberapa orang Presiden. Presiden yang pertama ialah Tan Sri Haji S.O.K Ubaidulla yang juga merupakan pengasas kepada pertubuhan ini. Pertubuhan ini bertambah maju sebagai sebuah pergerakan kebangsaan di bawah pimpinan Tuan Haji Mohamed Ismail Sharif, Tuan S.M.I Shaik Alawdeen dan Datuk Dr. Hj. Mohd. Iqbal. Di bawah kepimpinan mereka, keahliannya bertambah ramai dan aktiviti pertubuhan ini juga telah bertambah dari semasa ke semasa sama ada dari segi keagamaan, pendidikan maupun ekonomi. Apa yang paling menonjol ialah kejayaan pertubuhan ini membeli sebidang tanah di Kelana Jaya untuk didirikan pejabat PERMIM setinggi tujuh tingkat pada tahun 2000.<sup>14</sup> Seterusnya pertubuhan ini dipimpin oleh saudara Sahul Hameed bin Shaik Mohaideen. Beliau telah berkecimpung dalam PERMIM sejak tahun 1985. Sebelum dilantik menjadi Presiden, beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Ketua Pemuda, Ketua Pemuda dan Naib Presiden. Saudara Sahul Hameed merupakan seorang yang budiman, bijak, tidak sombong dan mempunyai akhlak yang amat mulia.<sup>15</sup> Beliau yang fasih berbahasa Melayu, sentiasa mendapat sokongan daripada peringkat cawangan dan gabungan. Ketika ini, jawatan tersebut telah disandang oleh Saudara Anver Hussain.

Objektif penubuhan PERMIM ialah untuk merancang dan mengendalikan aktiviti dalam bidang keagamaan, sosial, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan kepada ahli-ahlinya secara khusus dan kepada seluruh umat Islam di Malaysia amnya. Semua aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan harus selaras dengan motto PERMIM iaitu:

“Mengutamakan Kebajikan Ahli-ahlinya dan Orang-orang Muslim di Malaysia”.

Oleh kerana itu, tujuan dan objektif perlaksanaan aktiviti PERMIM telah digariskan seperti berikut:<sup>16</sup>

<sup>13</sup> Temubual dengan Saudara Maideen Abd. Rahman, Setiausaha Kerja PERMIM di Kuala Lumpur pada 29hb Disemver 1997.

<sup>14</sup> Temubual dengan Saudara Anver Hussein, Tim. Presiden PERMIM.

<sup>15</sup> Temubual dengan Saudara Maideen Abd. Rahman, Setiausaha Kerja PERMIM.

<sup>16</sup> Laporan Agung Dwi Tahunan Yang Ke Sebelas, Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya, Selangor, 24 November 1996.

- i. Untuk memupuk cita-cita di kalangan ahli-ahlinya untuk menjadi sebagai sebuah masyarakat yang digelar sebagai masyarakat Islam atau Ummah.
- ii. Untuk merancang, membentuk dan melaksanakan program-program yang boleh mendatangkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang kebenaran agama Islam.
- iii. Untuk memberi sokongan dan membantu program-program yang dirancang oleh negara.
- iv. Untuk memberi bantuan kepada masyarakat sedapat yang mungkin bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka.
- v. Untuk menjadikan PERMIM sebagai pertubuhan yang mempunyai reputasi dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Berdasarkan kepada tujuan dan objektif PERMIM di atas, didapati bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PERMIM adalah tertumpu kepada bidang-bidang keagamaan, sosial, ekonomi, pendidikan, dan kebudayaan. Segala aktiviti politik atau yang berbaur politik tidak termasuk dalam skop aktiviti yang dijalankan oleh PERMIM. Memandangkan PERMIM bukan sebuah pertubuhan politik, ia tidak boleh kelihatan sebagai sebuah parti politik dan kerana itu, sebarang perjumpaan di kalangan ahli-ahlinya yang melibatkan pertubuhan ini tidak boleh berbentuk politik. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai pentingnya politik atau sesuatu kegiatan yang boleh membuka minda mengenai politik adalah dibolehkan.

Bagi individu yang ingin menceburkan diri dalam bidang politik, mereka boleh menyertai satu pertubuhan berbentuk politik yang dikenali sebagai Kongres India Muslim, Malaysia (KIMMA). Ia merupakan satu pertubuhan berbentuk politik yang tidak begitu aktif dan parti ini tidak pernah menyertai pilihanraya.

Berdasarkan pada huraiyan yang dijelaskan di atas, didapati PERMIM mempunyai wawasannya yang tersendiri untuk membantu membangunkan rakyat dan negara sama ada dari segi rohani maupun jasmani. Penulis juga mendapati bahawa pertubuhan ini tidak hanya berhasrat untuk membangunkan ahli-ahlinya sahaja, malah mereka turut bercita-cita untuk membangunkan seluruh umat Islam, khususnya di Malaysia dan di peringkat antarabangsa amnya.

## PENDEKATAN DAKWAH KEPADA INDIA MUSLIM OLEH PERMIM

Sebagaimana diterangkan sebelum ini, PERMIM telah ditubuhkan sejak dua puluh sembilan tahun yang lalu. Dalam tempoh tersebut, pertubuhan ini telah melakukan pelbagai aktiviti sama ada aktiviti keagamaan, pendidikan, sosial maupun ekonomi

untuk masyarakat India Muslim di Malaysia. Dalam konteks dakwah, ia telah menggunakan metodologi dakwah yang difikirkan sesuai sama ada dakwah yang dilakukan secara langsung ataupun sebaliknya.

Sumber dari Ibu Pejabat PERMIM menyatakan, ketika ini terdapat lebih kurang 500,000 orang India Muslim di Malaysia. Jumlah ini mewakili 25% daripada keseluruhan masyarakat India yang berjumlah dua juta orang. Sebahagian besar daripada masyarakat India Muslim memerlukan bimbingan dari para pendakwah agar mereka lebih memahami Islam dan dapat menghayatinya dengan lebih sempurna. Atas kesedaran tentang kepentingan ini, PERMIM telah melaksanakan tanggungjawab tersebut agar agama Islam dapat difahami oleh masyarakat India Muslim dengan lebih mendalam. Dalam artikel ini, penulis akan membentangkan beberapa pendekatan dakwah yang diaplikasikan oleh PERMIM kepada masyarakat India Muslim di Malaysia dan keterangan mengenainya adalah sebagaimana berikut:

### i. Dakwah Melalui Pendidikan

Terdapat beberapa aktiviti dakwah yang dilakukan secara langsung menerusi kegiatan pendidikan. Secara tidak langsung pula, pertubuhan ini merancang untuk menghulurkan bantuan kewangan secara tahunan kepada lima orang pelajar India Muslim yang belajar di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi sama ada IPTA atau IPTS.<sup>17</sup> Pemberian bantuan ini adalah berdasarkan kepada minat para pelajar di dalam bidang yang diceburi dan prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh mereka dalam pengajian masing-masing. Keutamaan diberikan kepada mereka yang mempunyai masalah kewangan. Pemberian bantuan ini beroperasi pada tahun 1998 dan ia berbentuk pinjaman. Maklumat ini diperolehi penulis, semasa kajian dibuat pada tahun 1997. Dana yang terkumpul sehingga akhir tahun 1997 yang boleh digunakan untuk tujuan tersebut ialah berjumlah RM100,000.00.

Dalam pada itu, bagi memantapkan lagi para pelajar India Muslim dalam menghadapi peperiksaan S.P.M, pertubuhan ini juga telah menganjurkan bengkel peperiksaan tersebut. Bengkel ini telah diadakan pada tahun 1995 dan 1996. Bengkel yang telah diadakan pada tahun 1995 telah disertai oleh seramai 110 pelajar S.P.M. Manakala bengkel yang telah diadakan pada tahun 1996 telah disertai oleh 100 orang pelajar. Di antara mata pelajaran yang ditekankan ialah Bahasa Malaysia, English, Sejarah, Matematik dan Sains.<sup>18</sup> Sebanyak RM150.00 telah dikeluarkan oleh

<sup>17</sup> Temubual dengan saudara Maideen Abd. Rahman, Setiausaha Kerja PERMIM di Kuala Lumpur.

<sup>18</sup> Laporan Jawatankuasa Kecil Pendidikan, Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Yang Ke Sebelas, Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya, Selangor, 24 November 1996.

pertubuhan ini bagi setiap pelajar untuk menyertai bengkel-bengkel tersebut.<sup>19</sup>

Selain daripada itu, PERMIM juga telah mengadakan seminar kerjaya pada tahun 1995. Seminar ini bertujuan untuk membuka minda pelajar lepasan S.P.M dan S.T.P.M agar mereka dapat menentukan corak pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka. Seminar ini adalah lebih bercorak motivasi dengan harapan para peserta akan dapat memilih kerjaya sesuai yang akan mereka ceburi kelak.

Di sebalik program-program di atas, terdapat beberapa aktiviti pendidikan khusus di lakukan oleh pertubuhan ini bagi memantapkan kefahaman agama Islam khususnya di kalangan masyarakat India Muslim. Antaranya ialah pengendalian kelas fardu ‘ain, kelas pengajian al-Qur’ān, kursus kefahaman Islam dan penerbitan buku bacaan.

Kelas fardu ain diadakan di setiap cawangan dan gabungan PERMIM, di mana madrasah dijadikan lokasi pembelajarannya. Manakala tenaga pengajarnya pula terdiri daripada seorang atau dua orang bagi setiap cawangan dan gabungan mengikut jumlah penuntut yang menghadiri kelas yang diadakan.<sup>20</sup> Pada lazimnya, tenaga pengajar tersebut terdiri daripada orang India Muslim sendiri yang mempunyai pengetahuan tentang agama Islam yang tinggi berbanding dengan orang lain di kawasan tersebut. Kelas tersebut diadakan setiap hari, sebagaimana yang dikendalikan oleh sekolah agama yang diwujudkan di kalangan masyarakat Melayu oleh kerajaan pada hari ini. Perlaksanaan program di atas disokong sepenuhnya oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Bagi memantapkan lagi pengendalian kelas fardu ain, pertubuhan ini turut mengadakan kelas pengajian al-Qur’ān bagi mengukuhkan bacaan al-Qur’ān di kalangan masyarakat India Muslim. Terdapat di kalangan mereka yang terpaksa belajar fardu ‘ain dan al-Qur’ān di rumah tenaga pengajar kerana ketiadaan madrasah yang boleh dijadikan tempat belajar di sesuatu kawasan sepertimana yang berlaku di daerah Sepang. Masalah ini wujud di daerah tersebut kerana cawangan Sepang adalah cawangan PERMIM yang baru dibuka oleh pertubuhan ini. Kelas pengajian al-Qur’ān ini dijalankan serentak dengan kelas fardu ain. Malah menurut Saudara Anver Hussein, di samping diajarkan al-Qur’ān, pelajaran *Tawḥīd*, *Fiqh* dan *Hadīth* juga turut didedahkan kepada para pelajar.

Di samping itu, bagi memperkuatkannya lagi pengetahuan agama Islam di kalangan masyarakat India Muslim, pertubuhan ini turut menganjurkan Seminar

<sup>19</sup> Temubual dengan saudara Anver Hussein, Tim. Presiden PERMIM di Kuala Lumpur.

<sup>20</sup> *Ibid.*

Kefahaman Islam. Biasanya kakitangan dari Jabatan Agama Islam akan dijemput untuk memberi penerangan tentang Islam kepada para peserta yang menghadiri seminar tersebut.

Satu lagi alternatif yang dilakukan oleh PERMIM dalam usaha untuk memberi pendidikan Islam kepada masyarakat India Muslim ialah melalui penerbitan bahan bacaan seperti buku dan sebagainya. Pada tahun 1995, buku bertajuk *al-Qur'an Oru Ariviyal Kannotam* yang bermaksud *Holy al-Qur'an - A Scientific Perspective* yang dihasilkan oleh Moulavi Hassan telah dilancarkan oleh pertubuhan ini dengan jayanya. Bahasa yang digunakan dalam penulisan buku ini adalah bahasa Tamil. Ini bertujuan untuk memudahkan masyarakat India Muslim memahami dengan baik isi kandungan buku tersebut.

## ii. Dakwah Melalui Ekonomi

Metode ini dilaksanakan secara meluas oleh PERMIM ke atas masyarakat India Muslim. Secara tidak langsung metode ini terlaksana dengan penganjuran seminar perniagaan yang telah dianjurkan oleh Pertubuhan ini pada tahun 1996 bertemakan "Perniagaan Menjelang Wawasan 2020". Seminar ini diadakan kerana ramai kalangan masyarakat India Muslim yang terlibat dengan kegiatan perniagaan dan sumbangan mereka dalam membangunkan ekonomi negara menerusi kegiatan tersebut tidak harus diketepikan. Bagi menjayakan seminar tersebut, pertubuhan ini telah mengundang penceramah-penceramah yang mahir dalam bidang ekonomi seperti Dr. Mohd Ariff yang merupakan pensyarah dari Universiti Malaya, Encik Nor Mohamed Yakub dari Mun Loong Berhad dan Encik Hj. Abdul Ghafoor Khan, Pengurus Badan Penjaminan Kredit.

Dalam pada itu, terdapat pula program bercorak ekonomi yang sangat berkait rapat dengan dakwah Islamiah yang dilaksanakan oleh PERMIM. Antaranya ialah Program Bantuan Hari Raya yang telah dilaksanakan sejak dua belas tahun yang lalu. Bantuan ini dihulurkan kepada golongan yang kurang berkemampuan agar mereka dapat menyambut kemeriahan Hari Raya Aidilfitri bersama-sama dengan masyarakat yang lain. Bagi mengenal pasti golongan yang kurang berkemampuan, pertubuhan ini telah mengarahkan setiap cawangan dan gabungan mengesahkan individu yang tergolong dalam kategori tersebut.<sup>21</sup>

Menurut saudara Jamarul Khan, langkah ini diambil kerana pertubuhan ini sangat prihatin kepada saudara seagama yang kurang berkemampuan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri sebagaimana yang disambut oleh ahli masyarakat yang lain. Kegiatan seumpama ini akan dapat melahirkan masyarakat penyayang dan

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

seterusnya mengekalkan sifat-sifat mulia sebagai umat Islam.<sup>22</sup> Sebagai bukti fakta di atas, pada tahun 1995, seramai 200 keluarga telah menerima bantuan sebanyak RM200.00 bagi setiap satu keluarga, dan pada tahun 1996, bilangan penerima bantuan telah meningkat kepada 215 keluarga. Ini kerana kutipan untuk Program Bantuan Hari Raya yang telah dibuat PERMIM telah meningkat sebanyak 40% dari tahun sebelumnya. Usaha murni yang dilakukan oleh PERMIM dengan menghulurkan bantuan kepada umat Islam yang kurang berkemampuan pada bulan Ramadhan ini adalah sesuatu amalan yang baik. Ini kerana amalan bersedekah adalah satu amalan yang digalakkan oleh Islam.

Selain daripada program di atas, pertubuhan ini juga telah menghulurkan bantuan kepada golongan yang daif seperti golongan yang sakit tua dan sebagainya, malah lebih jauh daripada itu, mereka turut menghulurkan bantuan kepada tabung Bosnia dan para perajurit negara yang berjuang di negara tersebut. Jumlah yang diberi kepada tabung Bosnia ialah sebanyak RM15,550.55, manakala yang dihulurkan kepada para perajurit negara pula ialah sebanyak RM10,000.00. Bagi membolehkan PERMIM menghulurkan bantuan kepada pihak-pihak yang dinyatakan di atas, pertubuhan tersebut telah membuat kutipan derma. Selain daripada itu, ia juga telah melancarkan penjualan pelekat kereta bertajuk ISLAM (I SHALL LOVE ALL MANKIND) di perkaranan masjid India Ipoh. Sebanyak 1,000 pelekat kereta telah disediakan yang dijual dengan harga RM3.00 sekeping.

Penulis berpendapat bahawa amalan menghulurkan bantuan seperti ini wajar diteruskan oleh PERMIM pada masa-masa akan datang dan tidak terhenti kepada rakyat Bosnia sahaja. Malah sekiranya ada upaya dan kemampuan, bantuan juga boleh dihulurkan kepada rakyat Palestin, Indonesia, Negara Afrika dan lain-lain negara tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit mereka. Ini kerana aktiviti seumpama ini akan mencerminkan Islam sebagai agama yang bertoleransi.

### **iii. Dakwah Melalui Media**

Selain daripada dua metodologi dakwah yang telah dibicarakan oleh penulis, PERMIM juga telah melakukan aktiviti penyebaran agama Islam kepada masyarakat India Muslim melalui media, sama ada melalui media cetak mahupun media elektronik.

Menyentuh mengenai usaha dakwah yang dilakukan menerusi media cetak, terdapat satu penerbitan yang dikeluarkan oleh pertubuhan ini khusus untuk ahli-ahlinya dalam bentuk akhbar. Akhbar tersebut diberi nama ‘Suara PERMIM’.

<sup>22</sup> Laporan Agung Dwi Tahunan Yang Ke Sebelas, Majlis Pemberian Bantuan Hari Raya Aidil Fitri Yang Ke 12, Auditorium Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, 26 Jan 1996.

Akhbar ini diterbitkan dua bulan sekali sebagai medium untuk menyalurkan maklumat dan penerangan tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh cawangan dan gabungan PERMIM. Selain daripada itu, akhbar ini juga turut memuat ruang mengenai masalah agama yang terkini dan mengenangkan masalah pendidikan di kalangan masyarakat India Muslim.<sup>23</sup>

Sebagai alternatif yang lain bagi mengembangkan ajaran Islam di kalangan masyarakat India Muslim, PERMIM juga telah menerbitkan majalah sebagai bahan bacaan kepada masyarakat. Antaranya ialah majalah *Nam Kural*, yang bermaksud ‘Suara Kita’. Namun begitu, pengeluarannya telah dihentikan setelah tamatnya kontrak yang dibuat dengan syarikat percetakan. Dalam pada itu, terdapat juga majalah yang dihasilkan secara individu oleh bekas Presiden PERMIM iaitu Datuk Dr. Hj. Mohd Iqbal berjudul *Nambikai* yang bermaksud ‘Iman’. Majalah ini dikeluarkan sebulan sekali.

Di samping penggunaan media cetak, pertubuhan ini turut membantu mengembangkan Islam melalui media elektronik iaitu menerusi rancangan *Uswah* yang dikendalikan oleh Unit Dakwah Radio Televisyen Malaysia (RTM 2). Bagi menjayakan program ini, PERMIM hanya memberi sokongan dan kerjasama kepada RTM dengan menyediakan tempat dan ahli panel dari kalangan mereka bagi memudahkan proses rakaman program tersebut diadakan.<sup>24</sup>

#### iv. Dakwah Melalui Kegiatan Sosial

Secara tidak langsung, metode dakwah melalui aktiviti sosial dilaksanakan oleh pertubuhan ini dengan mengadakan perjumpaan yang berbentuk dialog dengan ahli-ahli mereka sama ada peringkat cawangan dan gabungan. Program dialog juga diadakan dengan para belia mereka. Pertemuan ini diadakan bagi menyelesaikan masalah yang timbul di kalangan mereka dan lazimnya menerusi pertemuan seumpama ini, masalah mereka akan dapat diselesaikan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif PERMIM. Antara contoh perlaksanaan program seperti ini ialah dialog mengenai Nasi Kandar Penang dan pertemuan dengan para pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Menurut pendapat saudara Anver Hussein,<sup>25</sup> PERMIM biasa menangani masalah-masalah yang timbul sama ada di peringkat cawangan, gabungan dan

<sup>23</sup> Temubual dengan Anver Hussein, Tim. Presiden PERMIM, Kuala Lumpur.

<sup>24</sup> Temubual dengan saudara Maideen Abd. Rahman, Setiausaha Kerja PERMIM, Kuala Lumpur.

<sup>25</sup> Temubual dengan saudara Anver Hussein, Tim. Presiden PERMIM, Kuala Lumpur.

masalah yang berkaitan dengan para belia mereka. Ini kerana PERMIM adalah satu-satunya pertubuhan yang akan mendengar, mengkaji dan seterusnya menyelesaikan sebarang masalah yang timbul di kalangan ahli-ahli mereka setelah aduan dibuat oleh mana-mana pihak yang bermasalah. PERMIM akan mencari jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah, sama ada secara persendirian atau meminta bantuan dari pihak kerajaan.

Kesungguhan pertubuhan ini untuk membela nasib masyarakat India Muslim di Malaysia terserlah menerusi rancangan PERMIM untuk membina sebuah bangunan PERMIM di Kelana Jaya, Selangor. Bangunan setinggi tujuh tingkat yang bakal didirikan tersebut menelan belanja kira-kira RM15 juta dan segala persiapan untuk merealisasikan hasrat tersebut seperti proses tukar syarat tanah, pelan bangunan dan sebagainya sedang diuruskan oleh PERMIM.<sup>26</sup>

Bagi tujuan mengeratkan hubungan di antara masyarakat India Muslim dan menonjolkan semangat nasionalisme, pihak pertubuhan mengadakan majlis silaturahim dan menyertai perarakan Hari Kebangsaan. Majlis silaturahim diadakan dalam bentuk perjumpaan sambil menjamu selera. Tujuan majlis ini diadakan ialah untuk membolehkan masyarakat India Muslim dari segenap lapisan masyarakat di sesuatu tempat berkumpul dan bertukar-tukar pendapat serta beramah mesra sambil mengenali antara satu sama lain. Penyertaan PERMIM dalam Perarakan Hari Kebangsaan Malaysia pula merupakan satu aktiviti tahunan khas bagi pertubuhan ini.

Melalui aktiviti sosial juga, pertubuhan ini telah mengadakan beberapa program jamuan seperti Jamuan Makan Malam, Jamuan Hari Raya dan Majlis Berbuka Puasa. Walau bagaimanapun, program Jamuan Makan Malam hanya diadakan bagi meraikan individu tertentu di kalangan masyarakat India Muslim yang mendapat penganugerahan dan kerana sebab-sebab yang lain. Manakala penganjuran majlis berbuka puasa pula, ia merupakan satu amalan yang sering dilakukan oleh ahli-ahli PERMIM terutamanya di kalangan mereka yang berada. Bagi individu yang ingin menganjurkan majlis tersebut, mereka hanya perlu memaklumkan kepada cawangan dan gabungan PERMIM di mana mereka tinggal bagi memudahkan proses jemputan dibuat.<sup>27</sup> Kegiatan pertubuhan ini tidak terhenti setakat itu sahaja, malah lebih jauh daripada itu, bantuan dan sumbangan untuk Majlis Berbuka Puasa juga turut dihulurkan sama ada dalam bentuk makanan maupun kewangan kepada pihak penjara, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Muslim League Sungai Petani, Kedah, Darul Aman.

---

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Temubual dengan saudara Maideen Abd. Rahman, Setiausaha Kerja PERMIM, Kuala Lumpur.

Selain daripada aktiviti di atas, PERMIM juga melakukan beberapa aktiviti sosial untuk masyarakat India Muslim seperti ceramah agama sempena malam-malam kebesaran Islam misalnya ceramah dalam majlis *Laylah al-Qadr*, ceramah *Mawlid al-Rasūl* dan ceramah *Isrā' Mi'rāj*. Tidak cukup dengan ceramah yang diadakan pada malam-malam tersebut, pertubuhan ini turut menganjurkan ceramah khas yang diadakan pada waktu-waktu yang tertentu. Biasanya ceramah khas anjuran PERMIM ini diadakan di peringkat cawangan dan gabungan yang terdapat bilangan India Muslim yang ramai di sesuatu daerah mahupun negeri.<sup>28</sup> Ini bagi menjamin setiap program yang diadakan itu dapat dimanfaatkan semaksimum mungkin oleh golongan sasaran yang menghadirinya.

Penceramah yang dijemput atau diundang adalah terdiri dari kalangan penceramah tempatan dan luar negara, misalnya penceramah jemputan dari India dan Sri Langka. Biasanya ceramah-ceramah seperti ini diadakan di masjid yang dikenali di kalangan masyarakat India Muslim sebagai masjid India. Ceramah seperti ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat India Muslim kerana penceramah yang diundang biasanya terdiri dari kalangan mereka yang terkenal di kalangan mereka.<sup>29</sup> Antara tokoh penceramah yang pernah diundang ialah seperti Datuk Dr. Hj. Mohd. Iqbal (tempatan), Dr. Hamina Syed (India) dan Maulana al-Haj Hassan Azhari (Sri Lanka).

Program ceramah *Laylah al-Qadr*, *Mawlid al-Rasūl* dan *Isrā' Mi'rāj* pula adalah merupakan program tahunan yang diadakan oleh pertubuhan ini dan program ini tidak dibuat di peringkat cawangan dan gabungan PERMIM. Malah penganjuran majlis tersebut bergantung kepada komitmen peringkat cawangan dan gabungan PERMIM. Antara penceramah yang pernah diundang untuk menjayakan program ini ialah seperti Maulavi Abul Qasim untuk program ceramah *Laylah al-Qadr*, Maulana Moulavi S. Sheik Nuri untuk ceramah *Mawlid al-Rasūl* dan Hafiz Moulavi Abdullah Bukhari untuk ceramah *Isrā' Mi'rāj*.

## KESIMPULAN

Usaha dakwah yang telah dilakukan oleh PERMIM melalui pendekatan dakwah yang telah diterangkan di atas, adalah satu usaha yang baik untuk menyebarkan syiar Islam di kalangan masyarakat India Muslim. Usaha mereka juga secara tidak langsung turut membantu gerakan dakwah yang telah digerakkan oleh beberapa pertubuhan dan

<sup>28</sup> Temubual dengan saudara Anver Hussein, Tim. Presiden PERMIM, Kuala Lumpur.

<sup>29</sup> *Ibid.*

organisasi daerah yang lain seperti Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sebagainya. PERMIM turut memainkan peranan penting dalam mengembangkan ajaran Islam di negara ini, walaupun organisasi mereka boleh dianggap sebagai organisasi yang kecil berbanding dengan organisasi-organisasi dakwah yang lain. Apa yang menarik mengenai PERMIM ialah, walaupun pertubuhan tersebut dianggap sebagai organisasi yang kerdil berbanding dengan organisasi dakwah yang lain dan bergerak sebagai badan bukan kerajaan, ia mampu bertahan sejak ia ditubuhkan hingga ke hari ini. Dari sudut pendekatan dakwah, PERMIM telah menggunakan beberapa pendekatan seperti dakwah melalui pendidikan, ekonomi, media dan kegiatan sosial. Namun begitu, berdasarkan kajian penulis, pelaksanaan pendekatan dakwah tersebut adalah dalam batasan yang agak sederhana. Dalam erti kata yang lain, aktiviti dakwah yang dijalankan menerusi pendekatan tersebut adalah tidak menyeluruh. Oleh itu, terdapat beberapa aktiviti dan metode dakwah lain yang boleh diketengahkan oleh pertubuhan ini bagi memantapkan lagi pergerakan dakwah mereka di masa-masa yang akan datang.